

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Pesakit buah pinggan abai nasihat doktor

'Setiap bahan masuk dalam badan ada tindak balas'

Ubat tradisional, herba mempunyai bahan aktif tersendiri boleh beri kesan pada tubuh

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my


Kuala Lumpur: Ubat tradisional atau herba mempunyai bahan aktif tersendiri yang boleh memberi kesan dan tindak balas kepada tubuh mereka yang mengambilnya, sama ada individu sihat atau yang mempunyai sakit buah pinggang.

Pakar perubatan keluarga, Dr Suhazeli Abdullah, berkata berbeza dengan ubat daripada fasiliti kesihatan, kebanyakan ubat herba termasuk dari luar negara yang dijadikan makanan tambahan atau suplemen oleh sesetengah masyarakat, tidak melepasi ujian keselamatan, kualiti dan keberkesanan.

"Ada yang kata, ubat herba adalah produk semula jadi atau makanan saja, takkan boleh rosakkan buah pinggang?"

"Faktanya, setiap bahan yang masuk dalam badan kita sudah pasti terdapat tindak balas tertentu, sama ada manfaat atau mudarat.

"Jangan terus beranggapan jika ia makanan alami, ia selamat untuk dimakan, terutama jika didakwa merawat penyakit. Makmal mana yang pernah sahkan dan kajian atas manusia dan ne-



Gambar A dan B adalah imbasan pada sel buah pinggang pesakit yang menunjukkan kewujudan kristal oksalat yang menyekat saluran penapis dalam buah pinggang, akibat pengambilan suplemen vitamin C berlebihan. (Foto ihsan Dr Rafidah Abdullah)

gara mana yang buktikan?" katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar ini semalam mengenai kira-kira 72 peratus pesakit buah pinggang di negara ini yang menjalani rawatan dialisis, dikesan lebih cenderung mengambil ubat tradisional dan ubat tambahan tanpa merujuk doktor yang merawat mereka.

Penemuan itu berdasarkan kajian Pakar Nefrologi dan Perubatan Dalaman, Hospital Putrajaya, Dr Rafidah Abdullah bersama dua lagi doktor pakar ke atas 329 pesakit buah pinggang di Malaysia yang diterbitkan dalam jurnal antarabangsa, BMC Complementary Medicine and Therapies, tahun lalu.

Sebahagian besar daripada pesakit juga percaya kononnya ubat hospital boleh merosakkan organ dalaman, menyebabkan mereka bergantung kepada ubat tradisional dan suplemen sebagai pena-

war serta jalan keluar mengubati penyakit.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan, mengikut data Registri Dialisis dan Transplan Malaysia (MDTR), terdapat 49,111 pesakit buah pinggang menjalani dialisis di negara ini, kebanyakannya adalah secara hemodialisis, manakala yang lain adalah peritoneal dialisis.

Mengulas lanjut, Dr Suhazeli berkata, berdasarkan maklumat Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Amerika Syarikat (AS), terdapat suplemen herba yang mempunyai asid aristolokik yang berbahaya kepada buah pinggang.

"Sesetengah suplemen herba juga mungkin mempunyai logam berat seperti plumbum, merkuri, kadmium, arsenik dan kromium yang menyebabkan toksid kepada badan.

"Ada yang boleh berinteraksi

dengan ubat moden, sama ada boleh mengurangkan atau meningkatkan kesan ubat itu bertindak dalam badan.

"Kajian menunjukkan dua jenis mineral dinasihatkan tidak boleh diambil dalam kuantiti yang banyak oleh pesakit buah pinggang, iaitu potassium dan fosforus. Pengambilan yang tinggi mineral ini boleh mendatangkan kesan buruk kepada tubuh pesakit.

"Ini kerana ia tidak dapat dikumuhkan sebaiknya melalui buah pinggang yang sudah rosak. Antara makanan tinggi potassium adalah peria, serai, kunyit, daun bawang dan betik. Ada juga sesetengah produk dicampur dengan bahan terlarang seperti steroid, sildenafil dan sibutramin," katanya.

Beliau menegaskan, campuran sedemikian boleh membahayakan jika tiada pemantauan atau diberikan tidak mengikut suka-

Jangan terus beranggapan jika ia makanan alami, ia selamat untuk dimakan, terutama jika didakwa merawat penyakit. Makmal mana yang pernah sahkan dan kajian atas manusia dan negara mana yang buktikan?

Dr Suhazeli Abdullah,
Pakar perubatan keluarga



tan dos khusus.

Dr Suhazeli memaklumkan, terdapat ujian berkala dilakukan ke atas produk herba oleh pihak berwajib di negara ini, namun ia tertakluk kepada aduan yang diterima atau persampelan secara rawak terhadap ribuan produk di pasaran.

"Disebabkan tiada mekanisme khusus buat pemeriksaan tahap keselamatan, kita hanya boleh melihat kerosakan demi kerosakan.

"Ia berbeza dengan ubat hospital, walaupun sudah lepas tahap kajian ke atas haiwan dan manusia serta selamat disahgunakan, sistem pemantauan serta kajian tetap dilanjutkan.

"Justeru, kita akan melihat kes penarikan balik produk tertentu seperti kes produk 'Losartan' untuk darah tinggi sebelum ini.

"Inilah ketelitian dan ketelusan pihak berwajib bagi memastikan segala ubat adalah terbaik untuk diberi kepada rakyat," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan masyarakat supaya sentiasa berhati-hati dengan produk herba dan tidak mudah terpengaruh dengan janji manis serta fakta yang tidak tepat daripada penjual.

Saringan sel darah hanya kesan penyakit tertentu

Kuala Lumpur: Saringan sel darah hanya menunjukkan ciri mikroskopik darah yang digunakan untuk mengenal pasti jenis penyakit tertentu.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban, Dr Muhamad Hazizi Muhamad Hasani, berkata bukan semua jenis penyakit boleh didiagnosis melalui kaedah berkenaan, seperti didakwa oleh pihak tertentu.

"Memang ada ujian sebegitu tetapi ia hanya tunjukkan bentuk darah dan saiznya sama ada nor-

mal atau tidak, tetapi tidak menunjukkan ia berpenyakit atau tak.

"Jika (ada yang mendakwa) sel darah rapat-rapat didiagnosis sebagai usus rosak. Ia tak semestinya begitu.

"Jika nak tengok usus rosak, perlu pemeriksaan usus, bukan melalui pemeriksaan darah sahaja.

"Bila lihat ciri darah, kita hanya boleh tahu penyakit jenis darah, contohnya penyakit anemia sel sabit (sickle cell anemia), boleh dilihat dalam bentuk da-

rah merah seseorang individu itu yang tidak normal, bentuknya seperti bulan sabit," katanya.

Beliau mengulas pendedahan BH mengenai kegiatan syarikat jualan langsung yang menyedki perkhidmatan saringan kesihatan dengan menganalisis sel darah pengguna menggunakan mikroskop.

Jelas Dr Muhamad Hazizi yang juga Presiden Persatuan Integrasi Profesional Perubatan-Malaysia (MIMPA), gumpalan darah bukan tanda seseorang itu

mempunyai penyakit tetapi secara semula jadinya, darah yang berada terlalu lama dalam badan akan berbentuk begitu.

Beliau berkata, darah akan kelihatan 'tidak cantik' jika dilihat melalui kaedah analisis darah sedemikian.

"Saya sarankan buat ujian kesihatan di makmal atau hospital yang betul, baru kita tahu ujian yang dibuat itu (keputusan) sebenar atau tidak.

"Kaedah saringan seperti ini tidak disarankan kerana secara tidak langsung boleh memani-

pulasi warga tua yang mudah terpengaruh. Jika ada maklumat berkaitan kegiatan sedemikian, lapor terus kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Seperkara lagi, perlu juga berhati-hati dengan produk kesihatan atau suplemen yang dijual di pasaran.

"Memang ada yang mempunyai cop KKM, tetapi hanya cop pendaftaran sahaja, tidak pasti sudah diluluskan atau tidak. Jadi perlu kepada semakan dengan bahagian farmasi KKM," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan baharu lepasi angka 2,000

Selangor catat jumlah tertinggi dengan 1,157 kes

(Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my)

Putrajaya: Selepas hampir seminggu Aidilfitri, kes harian COVID-19 di negara ini kembali melepasi angka 2,000 iaitu sebanyak 2,153 kes dilaporkan kelmarin.

Menerusi data yang dikongsi dalam laman sesawang COVID-NOW, kes baharu itu membabitkan 2,151 kes penularan tempatan dengan dua kes import.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 4,458,889 individu sudah dijangkiti virus berkenaan.

Selangor menjadi negeri paling

tinggi melaporkan pertambahan kes baharu iaitu sebanyak 1,157 kes, diikuti Kuala Lumpur dengan 261 kes dan Pulau Pinang sebanyak 156 kes.

Selain itu, turut mencatatkan kes baharu ialah di Negeri Sembilan dengan 105 kes, Perak (91), Johor (81), masing-masing 63 kes di Kedah dan Melaka, Pahang (35), masing-masing 34 kes di Sarawak dan Terengganu, Sabah (29), Kelantan (25), Putrajaya (7) dan masing-masing enam kes di Perlis dan Labuan.

Sehingga kini terdapat 22,556 kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini, daripada jumlah berkenaan 94.7 peratus atau 21,363 kes sedang menjalani kuarantin di rumah.

Turut dilaporkan ialah sejumlah 1,075 kes sedang menerima rawatan di hospital, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (59), ICU (29) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (30).

Data COVIDNOW turut menunjukkan setakat ini terdapat empat kes kematian dilaporkan dan tiga daripadanya adalah kes kematian diluar fasiliti kesihatan (BID). Pertambahan itu menjadikan sehingga kini angka korban di negara ini meningkat kepada 35,583 kes.

Sementara itu, laman web COVIDNOW juga menunjukkan sejumlah 929,427 atau 26.2 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di Malaysia lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Sebanyak 1,553,175 atau 43.8 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun, 2,897,493 atau 93.1 peratus sudah lengkap vaksinasi manakala 2,994,981 atau 96.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk juga menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Pesakit positif dirawat di hospital menurun

Putrajaya: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk menurun sebanyak 27 peratus pada Minggu Epidemiologi (ME) 18/2022 berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk juga menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus bagi kes kategori satu hingga lima.

"Secara keseluruhan, peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 menurun pada ME 18/2022 berbanding minggu sebelumnya, iaitu penggunaan katil bukan kritikal menurun 21 peratus dan

penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) menurun 20 peratus.

"Penggunaan katil di PKRC juga mencatat penurunan 100 peratus dan jumlah kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan menurun 26 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun kes positif COVID-19 masih dipantau Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara, data menunjukkan terdapat penurunan 57 peratus bilangan kedatangan pesakit COVID-19.

"Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati kes baharu COVID-19 yang menjalani pemantauan di rumah menurun 59.7 peratus serta kes dirujuk ke CAC, PKRC atau hospital menurun 44.3 peratus," katanya.

RM15j lagi biaya projek pengawasan genomik

Putrajaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meluluskan dana tambahan sebanyak RM15 juta di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi membiayai projek pengawasan genomik (genomik surveillance) bagi virus SARS-CoV-2 di 11 konsortium makmal.

Kelulusan itu sekali gus dapat memperkuatkan ekosistem sokongan pembiayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) susulan penularan wabak COVID-19 di negara ini.

MOSTI dalam kenyataan memaklumkan, projek berkenaan kini sudah memasuki Fasa 3 dan fasa berkenaan amat penting untuk mengenal pasti dan memantau varian virus SARS-CoV-2 di Malaysia terutama varian membimbangkan (VOC) seperti Omicron dan Delta.

Mengulas mengenai situasi VOC, sehingga 27 April lalu, sebanyak 15,565 sampel sudah diujuk, di analisis dan maklumat berkaitan genom itu sudah di-

muat naik ke pangkalan data Global Initiative on Sharing Avian Influenza Data (GISAID).

"Taburan varian utama virus SARS-CoV-2 di Malaysia adalah sebanyak 7,245 sampel atau 46.55 peratus dikenal pasti sebagai varian Delta; Omicron (6,374 sampel), Beta (283 sampel) dan Alpha (33 sampel).

"Sampel berkenaan dipilih oleh KKM dan membatik semua negeri. Analisis garis masa pola perubahan varian di Malaysia menunjukkan peningkatan jumlah varian Delta dan Omicron masing-masing bermula sekitar bulan Ogos dan Disember lalu.

"Varian Delta dan Omicron ini diketahui lebih berbahaya dengan kadar kebolehhangkitan yang lebih tinggi dan mampu menjangkiti kepada individu yang lengkap dua dos vaksinasi serta dos penggalak.

"Mereka yang belum divaksin juga berisiko tinggi untuk mudah mendapat varian Delta dan Omicron, justeru vaksinasi adalah perlindungan terbaik me-

lawan varian berkenaan," katanya.

Tambahnya, bagi varian Omicron, pola garis masa perubahan sub-varian Omicron di Malaysia adalah dari November lalu hingga April ini menunjukkan 3,010 sampel adalah sub-varian Omicron BA.2.

"Selain itu sebanyak 1,989 sampel adalah sub-varian BA.1.1 dan 694 sampel sub-varian BA.1. Pola berkenaan menunjukkan 'lineage' BA.1 dan BA.1.1 mendominasi pada ketika awal kemunculan Omicron pada akhir tahun 2021, tetapi ia mula beralih ke lineage BA.2 seawal Januari 2022.

"Hampir semua atau lebih 99 peratus sampel yang diujuk dalam bulan Mac dan April lalu adalah daripada lineage BA.2 dan sub-lineage-nya.

"Maklumat berkenaan genom varian virus SARS-CoV-2 adalah amat penting untuk kerajaan mengambil tindakan yang wajar dan khusus bagi mengawal dan membendung penularan varian berkaitan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kes lebih 2,000 lepas Aidilfitri

Sebanyak 2,153 kes jangkitan Covid-19 direkodkan kelmarin selepas seminggu sambutan hari raya

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sepereti dijangka, kes harian Covid-19 di negara ini kembali melepasi angka 2,000 iaitu sebanyak 2,153 kes dilaporkan kelmarin selepas seminggu

sambutan Aidilfitri.

Menerusi data dikongsi dalam laman sesawang COVIDNOW, kes baharu itu membabitkan 2,151 kes penularan tempatan dengan dua kes adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 4,458,889 individu sudah di-

jangkiti virus berkenaan.

Selangor menjadi negeri paling tinggi melaporkan pertambahan kes baharu iaitu sebanyak 1,157 kes, diikuti Kuala Lumpur dengan 261 kes dan Pulau Pinang sebanyak 156 kes.

Selain itu, turut mencatatkan kes baharu adalah Negeri Sembilan dengan 105 kes, Perak (91), Johor (81),

masing-masing 63 kes di Kedah dan Melaka, Pahang (35), masing-masing 34 kes di Sarawak dan Terengganu, Sabah (29), Kelantan (25), Putrajaya (7) dan masing-masing enam kes di Perlis dan Labuan.

Sehingga kini terdapat sebanyak 22,556 kes aktif dengan kebolehhajngkitan Covid-19 di negara ini.

Daripada jumlah itu, sebanyak 94.7 peratus atau 21,363 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Turut dilaporkan adalah sejumlah 1,075 kes sedang menerima rawatan di hospital, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (59), ICU (29) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19

(PKRC) (30).

Data COVIDNOW turut menunjukkan setakat ini terdapat empat kes kematian dilaporkan dan tiga daripadanya adalah kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Pertambahan itu menjadikan sehingga kini angka korban di negara ini meningkat kepada 35,583 kes.



TINJAUAN mendapati hanya segelintir sahaja tidak memakai pelitup muka manakala sebahagian besar yang lain mengambil langkah berjaga-jaga dengan terus melindungi diri di Lebuh Armenian, Georgetown.

Bilangan kes bagi ME ke-18 turun 58.3%

Kuala Lumpur: Bilangan kes baharu Covid-19 di negara ini bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-18 yang bermula dari 1 hingga 7 Mei menurun sebanyak 58.3 peratus iaitu kepada 8,732 kes berbanding 20,937 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata perkembangan itu menyaksikan jumlah kes tempatan menurun sebanyak 58.3 peratus atau 20,876 kes kepada 8,703

kes dan kes import berkurang 52.5 peratus atau 61 kes kepada 29 kes.

Beliau berkata angka terbaharu itu menjadikan kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini sebanyak 4,456,736 kes dengan 23,276 kes aktif.

"Bilangan kes sembuh pada ME ke-18 menurun sebanyak 45.1 peratus atau 56,352 kes kepada 30,930 kes, berbanding ME ke-17 dan kumulatif individu pulih ialah 4,397,881.

"Kes kematian pada ME ke-18 menurun sebanyak 42.9 peratus (56 kes kepada 32 kes) berbanding ME ke-17 dan menjadikan kumulatif kematian kini 35,579," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, jumlah kematian pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam bagi setiap 100,000 penduduk juga menurun 27 peratus untuk ME

sama berbanding ME sebelumnya.

"Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk menurun sebanyak 50 peratus melibatkan semua kategori pesakit.

"Secara keseluruhan, peratusan penggunaan katil Covid-19 bukan kritikal turun 21 peratus; katil Unit Rawatan Rapi (ICU) menurun 20 peratus dan katil PKRC pula menurun 100 peratus," katanya.

22,968,088 atau 97.6% lengkap 2 dos

Kuala Lumpur: Sejumlah 929,427 atau 26.2 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di Malaysia lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Menurut laman web COVIDNOW, 1,553,175 atau 43.8 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,897,493 atau 93.1 peratus telah lengkap vaksinasi manakala 2,994,981 atau 96.2 peratus menerima se-

kurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, bagi golongan dewasa, sejumlah 16,043,079 atau 68.2 peratus sudah menerima dos penggalak manakala 22,968,088 atau 97.6 peratus lengkap dua dos dan 23,244,086 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Kelmarin, sebanyak 26,584 dos diberikan melibatkan 7,266 dos pertama, 17,896 dos kedua dan 1,422 dos penggalak men-

jadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 70,416,939.

RINGKAS

Kes HFMD tertinggi di Seremban

Seremban: Warga tadika dan taska dinasihat berwaspada berikutan 958 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan di Negeri Sembilan sejak awal Januari sehingga 27 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata, pada Minggu Epid (ME) ke-17, sebanyak 139 kes dicatatkan.

Katanya, ia membabitkan 81 kes di daerah Seremban, Port Dickson (16), Jempol (12), Tampin (13), Kuala Pilah (10) dan enam kes di Rembau serta satu kes di Jelebu.

"Setakat ini terdapat 13 kes HFMD yang masih aktif iaitu lima di Rembau, Port Dickson (tiga), Jempol (tiga), Tampin (satu) dan Seremban (satu) yang kesemuanya membabitkan tadika, taska serta rumah persendirian," katanya.

Terdapat 13 kes HFMD yang masih aktif babit tadika, taska, rumah sendiri

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Kanak-kanak di Malaysia berdepan jangkitan HFMD, Kawasaki, RSV dan hepatitis akut

SHAH ALAM

Kanak-kanak di Malaysia berdepan ancaman empat penyakit berjangkit terutama sindrom keradangan multisistem dalam kanak-kanak (MIS-C) atau penyakit Kawasaki (KD) susulan peningkatan ketara kes itu ketika ini.

Selain Kawasaki, tiga lagi penyakit berjangkit lain yang perlu diberi perhatian ialah penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), virus sinitium pernafasan (RSV) dan yang menjadi kebimbangan baharu iaitu radang hati akut atau hepatitis akut.

Pakar Kanak-Kanak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Rashdan Zaki Mohamed berkata, antara tanda utama seseorang kanak-kanak mengalami MIS-C atau KD adalah demam berpanjangan, ruam merah, bibir merekah, mata merah, bengkak limfa noda serta bengkak kaki dan tangan.

"Biasanya organ utama yang terjejas akibat penyakit Kawasaki ini adalah salur darah pada jantung dan ia memerlukan rawatan khusus. Punca utama penyakit ini masih tidak dapat dipastikan namun ada kaitan dengan jangkitan kuman.

"Bagaimanapun, selepas pandemik Covid-19 muncul, kami dapati kes penyakit Kawasaki meningkat dengan ketara. Berdasarkan kajian semasa, ia ada kaitan dengan pandemik Covid-19.

"MIS-C dan penyakit Kawasaki ini berkongsi persamaan ciri tertentu dari segi tanda klinikal, seperti demam, ruam dan tanda oral seperti bibir merah dan merekah. Bezanya, MIS-C melibatkan organ lain seperti sistem usus dan penghadaman, pernafasan, jantung, kulit dan mukosa, dan mungkin boleh jadi lebih serius," katanya kepada *Sinar Harian*.



Kanak-kanak berusia bawah lima tahun lebih mudah dijangkiti Kawasaki, HFMD, RSV dan hepatitis akut.

Tambah beliau yang juga Pakar Pediatrik dan Endokrinologi, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan, kajian di luar negara menunjukkan insiden MIS-C boleh berlaku antara 0.2 hingga 2 kes bagi setiap 100,000 kanak-kanak, manakala insiden Kawasaki adalah sekitar 20 hingga 240 kes bagi setiap 100,000 kanak-kanak di bawah usia lima tahun.

Jelasnya, kanak-kanak yang menghidap penyakit ini akan berdepan risiko masalah jantung, kegagalan organ dan paling serius boleh membawa maut jika tidak diberikan rawatan segera.

"Sebab itulah sekarang kita cuba tingkatkan kesedaran dalam kalangan



DR RASHDAN ZAKI

masyarakat khususnya ibu bapa supaya tidak memandang remeh jika anak mereka mengalami tanda-tanda dinyatakan.

"Biasanya kanak-kanak yang dijangkiti MIS-C atau Kawasaki ini mereka akan mengalami demam lebih daripada lima hari, dan demam berterusan walaupun rawatan seperti ubat demam dan antibiotik telah diberikan" ujarnya yang juga aktif mempromosikan kesihatan kanak-kanak dan remaja di media sosial dan media arus perdana.

Mengulas mengenai tiga lagi penyakit berjangkit lain, jelasnya, HFMD merupakan penyakit yang mudah berjangkit, biasanya bergejala ringan, namun turut berisiko mengalami komplikasi radang jantung dan organ lain yang lebih serius.

HFMD juga katanya, boleh menyebabkan seorang kanak-kanak tidak lalu makan atau minum dan boleh menyebabkan dehidrasi.

Bagi penyakit RSV pula ujarnya, ia merupakan virus yang sering menyerang paru-paru dan salur pernafasan. Tanda utama penyakit ini adalah demam, sesak atau kesukaran bernafas, bernafas laju dan berbunyi (berdehrit).

Menurut beliau lagi, KKM dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini ada mengumumkan kebimbangan mengenai radang hati (hepar) akut atau hepatitis akut, di mana tanda-tanda utama adalah kekuningan pada kulit dan mata, muntah, hilang selera makan dan keletihan.

"Buat masa ini punca utama radang hati ini masih dalam siasatan. Ibu bapa diminta segera dapatkan rawatan jika anak mereka ada tanda-tanda berkenaan," kata Dr Rashdan.

INFO PENYAKIT BERJANGKIT

1. Kawasaki

- Penyakit ini menjejaskan salur darah serta memberi kesan kepada kulit dan lapisan selaput di dalam mulut, hidung dan tekak.
- Kebanyakan pesakit berumur bawah lima tahun.
- Kanak-kanak lelaki menghidap penyakit ini dua kali ganda lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan.
- Simptom Kawasaki peringkat pertama termasuk demam suhu di atas 39 darjah Celsius dan melebihi lima hari, mata merah, serta ruam pada badan dan kemaluan.
- Simptom peringkat kedua pula ialah kulit tangan dan kaki menggelupas, cirit-birit dan muntah-muntah.

2. HFMD

- Biasanya terdapat lepuhan pada mulut, tapak tangan, jari-jari tangan dan tapak kaki.
- Disebabkan oleh virus enterovirus.
- Simptom HFMD termasuklah demam ringan, rasa tidak sihat (lelah dan lesu) dan sakit tekak.



3. RSV

- Virus yang menyebabkan jangkitan paru-paru dan saluran pernafasan.
- Sering berlaku kepada kanak-kanak di bawah usia dua tahun.
- RSV juga berisiko untuk mengjangkiti individu dewasa.
- Simptom jangkitan virus ini ialah batuk, hidung tersumbat atau berair, sakit tekak, sakit telinga dan demam.
- Bayi pramatang boleh mengalami apnea iaitu pernafasan terhenti kira-kira 15 hingga 20 saat.
- Jangkitan ini juga boleh menjadi serius kepada individu dewasa yang lebih berusia, individu dewasa dengan penyakit jantung dan paru-paru, atau mana-mana individu yang mempunyai kurang daya tahan jangkitan.

4. Hepatitis

- Hepatitis merupakan sejenis inflamasi yang berlaku pada organ hati.
- Hepatitis juga punca utama kanser hati dan juga pembedahan organ hati.
- Hepatitis terbahagi kepada 5 jenis iaitu hepatitis A, B, C, D dan E.
- Kelima-lima jenis hepatitis ini mempunyai simptom yang teruk dan boleh menyebabkan kematian.
- Simptom hepatitis termasuklah demam, sakit sendi, sakit perut dan penyakit kuning.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Terkena jangkitan selepas beraya di kampung

Dua orang ibu kongsi pengalaman anak terkena jangkitan HFMD

SHAH ALAM


“**S**emasa mula-mula kena penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), anak keempat saya, Abdul Azim Mohd Omar, 4, demam panas dan hilang selera makan. Dalam tempoh dua hari, tumbuh bintik kemerahan dalam mulut (lelangit) kemudian bintik merah itu merebak ke sekeliling mulut,” cerita Noor Wahidah Samsu, 37.

Menurutnya, dalam tempoh itu, seorang lagi anaknya, Ahmad Qayum, 7, dikesan menghidap penyakit sama sebelum dua beradik itu dibawa ke klinik.

“Doktor sahkan anak saya terkena HFMD selepas bintik kemerahan yang sama dikesan di tapak dan celah jari kaki dan tangan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Noor Wahidah berkata, dia sendiri tidak tahu bagaimana anaknya boleh terkena jangkitan berkenaan.

“Setahu saya penyakit itu dikesan ketika kami balik berhari raya di Kedah tapi tidak ada pula dalam kalangan anak-anak saudara yang terkena penyakit itu,” katanya yang tinggal di



Nur Humaira Qhadejah bersama ibunya Noor Wahidah.



Bintik merah pada kaki Nur Humaira Qhadejah.

Puchong, Selangor.

Jelasnya lagi, Ahmad Qayum turut mengalami muntah-muntah tetapi selepas mendapat nasihat dan ubat doktor, bintik merah itu kembali reda dalam tempoh sehari.

“Doktor beri ubat demam, ubat titik, ubat tambah tenaga dan ubat tahan muntah. Alhamdulillah, mereka cepat sembuh selepas itu selera makan mereka kembali normal,” katanya.

Pengalaman sama turut dikongsi

seorang pekerja swasta, Zainura Atieqah Zamri, 30, apabila anak perempuannya berusia tiga tahun enggan bercakap seperti kebiasaannya.

“Pada mulanya dia (Nur Humaira Qhadejah Mohd Hafizudin) tidak selera untuk makan dan minum susu. Bayangkan susu lapan auns suku tidak luak,” ujarnya.

Zainura mula syak anak tunggalnya itu dijangkiti HFMD selepas terdapat keputihan seperti ulser pada lidah selain timbul bintik-bintik merah di celah kelengkang, tapak kaki dan tangan.

“Saya bawa ke klinik swasta tapi doktor suruh rujuk klinik kerajaan yang kemudian sahkan anak saya dijangkiti HFMD.

“Agak risau juga sebab dia tak makan selama tiga hari, tapi saya paksa minum air dan makan aiskrim vanilla,” kata Zainura.

Menurutnya, doktor membekalkan ubat sapu dan ubat sembur mulut yang mengambil masa selama seminggu untuk pulih.

“Jangkitan ini berlaku disebabkan kuman atau persekitaran tidak bersih kerana rumah saya terkena banjir pada Disember tahun lalu. Mungkin ada sisa kotoran dan kuman yang menyebabkan anak saya dijangkiti,” katanya yang tinggal di kawasan perumahan awam di Kuantan, Pahang.

Tambahnya, meskipun sudah sembuh sepehunya, namun masih terdapat tanda seperti bisul pada kaki anaknya sehingga hari ini.

REAKSI



“**D**ua minggu sebelum raya anak saya dijangkiti HFMD. Bukan sahaja selera makan merosot, susu juga tak dapat minum mungkin kerana pedih sebab penuh ulser di dalam mulut. Oleh

sebab ia penyakit yang mudah berjangkit terutama pada musim perayaan ini, saya kerap meminta anak saya membasuh tangan dan menggunakan cecair pencuci tangan semasa aktiviti ziarah keluarga kerana ingin mengurangkan risiko mendapat jangkitan lagi.”
- Suri rumah, Norzaidah Damirin



“**S**ebagai ibu bapa tentunya saya bimbang dengan penyakit berjangkit yang berlaku ketika ini, terutama MIS-C yang merupakan salah satu komplikasi serius yang boleh berlaku akibat

jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak. Jadi, sebagai langkah pencegahan saya mengambil keputusan untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 kepada anak saya.”
- Pegawai teknologi maklumat, Engku Akmal Engku Ibrahim



“**S**aya amat risau sekiranya anak dijangkiti penyakit berjangkit seperti MIS-C dan HFMD kerana ia akan menjejaskan kesihatan anak saya sehingga mengundung kepada masalah kecacatan kekal.

Makin merisaukan saya apabila mengetahui HFMD ini juga boleh menyebabkan radang otak dan jantung.”
- Penjual bunga, Nur Anis Zulaikha Szali

Budak bawah 5 tahun berisiko dijangkiti HFMD

SHAH ALAM - Penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) boleh menjangkiti individu di setiap peringkat umur, namun kanak-kanak di bawah umur lima tahun paling berisiko dijangkiti penyakit berkenaan.

Pengamal perubatan dan kesihatan, Dr Kamarul Ariffin Nor Sadan memaklumkan, penyakit tersebut mudah merebak menerusi sentuhan langsung lelehan hingus, air liur, najis dan cecair ruam daripada kanak-kanak yang dijangkiti

virus berkenaan.

“Hari raya kali ini ramai orang pulang ke kampung berkumpul bersama sanak saudara. Mungkin itu menyebabkan penularannya. HFMD mudah menjangkiti kanak-kanak yang ditempatkan bersama.

“Ramai ibu bapa bawa anak kecil datang ke klinik dengan ruam dan demam.



DR KAMARUL ARIFFIN

Apabila saya periksa, rupanya HFMD,” katanya menerusi hantaran di laman Facebook pada Isnin.

Dalam pada itu, Kamarul Ariffin turut menyenaraikan tanda-tanda jangkitan HFMD; antaranya demam, ruam di mulut, tangan, kaki dan kawasan lampin; ulser pada tekak, mulut dan lidah; sakit tekak dan kepala serta

hilang selera makan.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa untuk tidak menghantar anak-anak yang disyaki HFMD ke taska, pusat jagaan atau ke tempat awam bagi mengelak risiko jangkitan kepada orang lain selain mereka perlu dikuarantin di rumah.

“Cuci tangan dengan sabun sebelum sediakan makanan, selepas keluar tandas, menukar lampin dan mencuci najis. Bersihkan mainan, kerusi dan meja yang tercemar dengan air liur anak,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

DIGITALISATION DRIVE

GOVT DATA CENTRE GETS CLOUD UPGRADE

Big technology firms expected to invest up to RM15 billion, says PM

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government has upgraded the Public Sector Data Centre (PDSA) with cloud computing technology for the use of all government agencies.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday said the new government hybrid cloud (MyGovCloud) service was

in conjunction with public cloud service providers (CSPs).

He said MyGovCloud was in line with the fifth initiative of the first core of the Malaysia Digital Economy Blueprint, which aims to migrate 80 per cent of government data to cloud this year.

Ismail Sabri said this would drive the public sector's digital transformation to spur the digital economy and the country's digitalisation agenda.

He said CSPs were transparent-

ly selected from foreign and local companies that had submitted their proposals.

"Based on the assessment, the government appointed four CSP panel companies to provide the best cloud service that is safe and secure.

"To strengthen MyGovCloud, particularly to roll out the public cloud service, the government has signed a Cloud Framework Agreement with the CSP companies and the CSP-appointed managed service providers that consist of Bumiputera companies.

"The involvement of CSP and MSP companies is expected to



Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob witnessing the exchange of documents between Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit director-general Datuk Seri Dr Yusof Ismail and Google Cloud country manager for Singapore and Malaysia Sherie Ng in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

bring in investments worth between RM12 billion and RM15 billion into the country by 2025," he said.

Ismail Sabri said the four CSP companies were Amazon Web Services Malaysia Sdn Bhd, Google Cloud Malaysia Sdn Bhd, Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd and Telekom Malaysia Bhd.

The four MSP companies are Cloud Connect Sdn Bhd, Enfrasy Solutions Sdn Bhd, Radmik Solutions Sdn Bhd and Awantec System Sdn Bhd.

He said the investments would form the "backbone" of a robust digital ecosystem that would promote Malaysia as a major digital hub.

'Report self-test results via MySejahtera'

KUALA LUMPUR: People are urged to report their self-test results so that the Health Ministry can have a better picture of the Covid-19 situation in the country.

Institute for Clinical Research director Dr Kalai Peariasamy said the Omicron (B.1.1529) variant was dominant in Malaysia over the last four weeks and urged people to report their self-test results through MySejahtera.

"The #Omicron (B.1.1529)-variant (100%) was the dominant Covid-19 strain in Malaysia over the last 4 weeks. +1,555 daily average in new confirmed cases in last 7 days. <https://charts.medri-va.com/country/MY>," he said on Twitter.

Health Minister Khairy Jamaluddin reminded the public to



Dr Kalai Peariasamy

report their self-test results.

"Please report your self-test results (+ve or -ve) via @my_sejahtera. Self-test results are an important part of ongoing surveillance by @KKMPutrajaya," he tweeted.

FEWER CASES

Covid-19 figures fell last week, says D-G

KUALA LUMPUR: All Covid-19 indicators declined in the 18th epidemiological week (EW), between May 1 and May 7, compared with the week before.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said Covid-19 admissions per 100,000 population to public health facilities dropped by 27 per cent in EW18 compared with EW17.

He said 11 people per 100,000 were admitted to either hospitals or Covid-19 quarantine and treatment centres (PKRC) in EW17, whereas eight people per 100,000 were admitted in EW18.

"The total number of Covid-19 cases admitted to public hospitals has also dropped by 50 per cent for the same period.

"For categories 1 and 2 as well as categories 3, 4 and 5, two people per 100,000 population were admitted to hospitals in EW17, and one person per 100,000 were admitted during the next EW."

Dr Noor Hisham said the util-



A pedestrian in George Town, Penang, wearing two face masks and a face shield on May 1. PIC BY DANIAL SAAD

isation rate for Covid-19 normal beds, Intensive Care Units beds, PKRC beds and ventilators were also on a downtrend.

He said Covid-19 cases were being monitored by the Covid-19 Assessment Centre (CAC) physically and virtually.

"Covid-19 cases reported to CAC dropped by 57.7 per cent from 5,874 cases in EW17 to 2,486 cases in EW18.

"New Covid-19 cases being observed at their residences declined from 3,292 cases in EW17

to 1,327 in EW18."

He added that Virtual CAC monitored 117,248 cases in EW18, a 54.9 per cent reduction from 259,882 cases in the previous week.

He said the number of reported recoveries and new cases declined in EW18.

"For deaths, 56 fatalities were reported in EW17 and 32 in EW18.

"Total active cases had reduced by 48 per cent from 412,555 cases in EW17 to 214,405 cases in EW18," he said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Surge in dengue cases in Labuan

LABUAN: Ten dengue cases have been reported in Labuan so far this year, a 100% increase from the five cases reported for the whole of last year.

Labuan Health Department director Dr Ismuni Bohari said Kg Layang-Layangan had been declared a dengue hotspot.

"It is a worrying situation. If not controlled, clogged drains during the current rainy season will provide a haven for aedes mosquitoes to breed and trigger (another) outbreak," he told Bernama yesterday.

He urged the local community to ensure that the surroundings were free from mosquito-breeding grounds.

On the hand, foot, and mouth disease (HFMD), he said this was under control despite the number of cases reported recently.

He also said only one case of Covid-19 was reported on the island on Friday, taking the cumulative infections to 21,309 cases.

No new clusters were detected. Cumulative Covid-19 recoveries now stood at 21,065.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Downward trend in Covid-19 cases

Experts: Decline due to people not self-reporting status on MySejahtera

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: With Covid-19 cases during Hari Raya dropping almost 60% from the week before, health experts believe that this could be due to people not self-reporting or self-testing.

As most cases were mild and not requiring hospitalisation, they said those who tested positive would not have to seek treatment.

However, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah appealed to the public to self-report via the MySejahtera app to help the ongoing surveillance by the ministry.

"We are not only looking at daily cases but also the admission in the Covid-19 quarantine and treatment centres, hospitals as well as the utilisation of intensive care units and ventilators, and deaths.

"All cases whether tested nega-

tive or positive must be reported on MySejahtera," he said when contacted yesterday.

In a statement earlier, he said the number of new Covid-19 cases in Malaysia for the 18th epidemiological week from May 1-7 had dropped 58.3% to 8,732 cases, from 20,937 cases the week before.

Prof Dr Moy Foong Ming of Universiti Malaya's social and preventive medicine department said over the next two weeks, there might be an increase in total cases due to the relaxation of health protocols and Malaysians' higher mobility during the festive period.

However, she said this might not be reflected on MySejahtera with people not reporting their status. She added that the hospitalisation rate would show the actual Covid-19 situation in the country.

"Most of the cases are mild and only less than 0.5% need hospitalisation. So for the current update, all

statistics are on the declining trend. "But all cases should be reported, mild or otherwise, so that the Health Ministry can better plan. When total cases increase, the number of hospitalisations will also increase," she said.

Prof Moy said a rise in cases was expected with high mobility of people during the Raya break, but projected the highest caseloads to be not more than 10,000.

The other concern is that on unvaccinated children, with the Covid-19 vaccination take-up rate among those aged between five and 11 only at 26.2% presently.

Prof Moy advised parents to get their children vaccinated as the virus presents a substantial risk of harm, including long-term health complications such as organ damage, long Covid or multi-system inflammatory syndrome, and even death to at least some proportion of the children.

Universiti Putra Malaysia epidemiologist and biostatistician Assoc Prof Dr Malina Osman said although cases would likely rise, the clinical impact would not be significant as most infections were expected to be mild.

"In my opinion, the majority will manifest mild manifestations except those with high risk and not fully vaccinated or have not received the booster," she said.

Dr Malina said that parents had been given ample time to decide the best for their children but the vaccine take-up rate was still unsatisfactory.

The target was to achieve 70% to 80% coverage for children, she said.

"What we can do is just to provide sound advice and appropriate medical evidence to encourage parents to come forward to get their children vaccinated," she said.

Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Datuk

Dr Kuljit Singh believed that the number of cases last week might have declined due to people not reporting or not self-testing anymore.

"We don't want to give people a false sense of security that the Covid-19 numbers are low in this country when it could actually be the opposite.

"Due to the movements during the Raya holidays and liberalisation of the SOP, of course we can anticipate that cases are going to increase, not just for Covid-19, but other infectious diseases as well.

"But people may not report their Covid-19 status on MySejahtera due to the seven-day quarantine order. Another possibility is that people may also not be self-testing as much as before because perhaps the symptoms are mild or they are around people who have already been infected before, so they feel that it's not very risky," he said.

More than 26% of children in M'sia fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 929,427 children aged between five and 11 in Malaysia, or 26.2% of their population, have completed the vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) as of May 8.

According to the CovidNow website, 1,553,175 children, or 43.8% of the same population, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, 2,897,493 individuals, or 93.1% of their population, have completed the vaccination, while 2,994,981 individuals, or 96.2%, have received at least one dose of the vaccine.

For the adult population, 16,043,079 individuals, or 68.2%, have received the booster dose, while 22,968,088 individuals, or 97.6%, have completed both doses of the vaccination and 23,244,086 individuals, or 98.8%, have received at least one dose of the Covid-19 vaccine, Bernama reported.

On Sunday, 26,584 doses of the vaccine were dispensed, of which 7,266 were the first dose, 17,896 as the second dose and 1,422 as the booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,416,939.

According to the Health Ministry, four deaths were recorded on that day.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Over 26% children fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 929,427 children aged between five and 11 years in Malaysia, or 26.2% of their population, have completed the vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of last Sunday.

According to the CovidNOW website, a total of 1,553,175 children, or 43.8% of the same population, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,897,493 individuals, or 93.1% of their population, have completed the vaccination, while 2,994,981 individuals or 96.2%, have received at least one dose of the vaccine.

For the adult population, a total of 16,043,079 individuals, or 68.2%, have received the booster dose, while 22,968,088 individuals or 97.6% have completed both doses of the vaccination, and 23,244,086 individuals or 98.8% have received at least one dose of the vaccine.

A total of 26,584 doses of the vaccine were dispensed, comprising 7,266 first dose, 17,896 second dose and 1,422 booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,416,939.

Meanwhile, according to the Health Ministry's GitHub portal, a total of four deaths due to Covid-19 were recorded yesterday, with two of the cases reported in Selangor and one death each in Kedah and Perak. - Bernama

Surge in dengue cases in Labuan

LABUAN: Ten dengue cases have been reported in Labuan so far this year, a 100% increase compared with the whole of last year when there were only five cases, according to the Labuan Health Department.

Its director, Dr Ismuni Bohari, said Kg Layang-Layangan had been declared a dengue hotspot following the outbreak.

"It is worrying. If not controlled, clogged drains during the rainy season will provide a haven for aedes mosquitoes to breed and trigger (another) outbreak," he said yesterday.

He urged the community to ensure their surroundings are free from mosquito-breeding grounds.

On the hand, foot and mouth disease, he said it is under control although a number of cases were reported recently. On Covid-19, he said only one case was reported on this duty-free island last Friday, bringing the cumulative infections to 21,309 cases. - Bernama